



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA
STATUS TERKINI TINDAKAN SUSULAN TERHADAP
PUSAT JAGAAN PERSATUAN KEBAJIKAN RUMAH PELANGI
(RAINBOW HOME)

PUTRAJAYA, 14 April - Susulan kes tular melibatkan Pusat Jagaan Persatuan Kebajikan Rumah Pelangi (Rainbow Home) Cheras, Selangor, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ingin memaklumkan bahawa **JKM kini sedang mengesan waris bagi kesemua 18 kanak-kanak yang diselamatkan** daripada Pusat Jagaan berkenaan yang beroperasi di kawasan Batu 9, Cheras, Selangor. Ini berikutan Notis Penutupan Sementara di bawah Seksyen 15, Akta Pusat Jagaan telah dikeluarkan kepada Pusat Jagaan berkenaan.

Kesemua kanak-kanak yang disyaki menjadi mangsa penderaan itu telah selesai menjalani pemeriksaan kesihatan oleh pihak Kementerian Kesihatan (KKM) di Hospital Kajang dan telah dirujuk kepada Pegawai Psikologi/Kaunselor bagi tujuan penilaian awal tahap psikologi mereka.

Suatu perintah interim di bawah Akta Kanak - Kanak 2001 telah dimohon dalam Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK) dan laporan sosial serta laporan pemeriksaan kesihatan kanak-kanak tersebut juga akan dibentangkan dalam MBKK. Sehingga kini, kanak-kanak tersebut telah ditempatkan di sebuah rumah kebajikan kanak-kanak yang lain untuk sementara waktu.

Oleh itu, waris kanak-kanak yang diselamatkan tersebut boleh berhubung terus dengan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Hulu Langat di talian 03-8739 5070 atau hadir ke PKMD Hulu Langat di Lot 2-58, Kompleks Hentian Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor.

KPWKM dengan semangat Ihsan Kerajaan MADANI sentiasa prihatin dan akan memastikan kebajikan kanak-kanak ini terpelihara.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
14 April 2025